

TINGKAH LAKU DAN RESPON PENGAJARAN DALAM TALIAN OLEH PELAJAR TERHADAP SOALAN ARAS TINGGI TAKSONOMI BLOOM

Mohd Norazizi Samsudain¹ & Mardian Shah Omar²

¹Universiti Antarabangsa UNITAR

²Universiti Malaya

ABSTRAK

Perubahan lanskap pendidikan yang beralih kepada penggunaan aplikasi teknologi menyaksikan ramai guru mengeluh kerana pelajar menjadi lebih pasif. Banyak kajian mendapati punca perkara tersebut adalah disebabkan oleh guru hanya mengaplikasikan soalan aras rendah dan sederhana yang menyebabkan pelajar menjadi semakin tidak berminat ketika sesi soal jawab dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Oleh yang demikian, kajian tindakan ini akan menganalisis perubahan tingkah laku dan respons pelajar terhadap kaedah PdPR yang menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi Taksonomi Bloom (1956). Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah pemerhatian sebagai instrumen pengumpulan data yang dijalankan terhadap lima orang pelajar kursus Kemahiran Berkomunikasi dalam Pengajaran Bahasa Melayu di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Petaling Jaya, Selangor. Pengkaji mereka bentuk kajian ini dengan membandingkan perubahan tingkah laku pelajar sewaktu menerima soalan aras rendah dan sederhana dengan soalan aras tinggi Taksonomi Bloom ketika mereka mengikuti kursus berkenaan secara dalam talian. Perbandingan kemahiran tersebut memfokuskan kepada enam aras soalan, iaitu aras rendah dan sederhana yang melibatkan domain pengetahuan, kefahaman, aplikasi makala aras tinggi melibatkan domain analisis, sintesis dan penilaian. Hasil kajian mendapati, empat daripada lima responden mengalami perubahan tingkah laku yang positif apabila menerima soalan domain aras tinggi, manakala seorang lagi tidak menunjukkan perubahan sikap dan respons. Kajian ini diyakini boleh menjadi saranan kepada para pendidik untuk kerap menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi seperti yang dijelaskan dalam Taksonomi Bloom supaya pelajar lebih aktif ketika mengikuti PdPR. Ini kerana, pendekatan pengajaran tersebut akan menghasilkan kesan yang lebih baik sekali gus dapat memperkasakan sistem pendidikan negara.

Kata kunci: PdPR, kajian tindakan, tingkah laku, respons, Taksonomi Bloom

ABSTRACT

The changing of educational landscape that is turning to the use of technology apps has seen many teachers complain that students are becoming more passive. Many studies have found that the reason for this is because teachers only apply low and medium level questions which causes students to become increasingly uninterested during question and answer sessions in online learning (PdPR). Therefore, this action study will analyze the changes in behavior and response of students to PdPR methods using high-level thinking skills from Bloom Taxonomy (1956). This study is qualitative by using observation method as a data collection instrument conducted on five students of the course of Kemahiran Berkomunikasi dalam Pengajaran Bahasa Melayu at a private university (IPTS) in Petaling Jaya, Selangor. The study was designed by comparing students' behavior changes when they received low and medium level questions with Bloom Taxonomy's high-level questions. The comparison focuses on six levels of questions, which are low and medium levels involving domains of knowledge, understanding, high-level applications involving domain analysis, synthesis and evaluation. The results found that four out of five respondents experienced positive behavioral changes when receiving high-level domain questions, while one student did not show any change in attitudes and responses. This study is believed to be a recommendation for educators to regularly use high-level thinking skills in Bloom Taxonomy so that students are more active when attending PdPR. This is because the teaching approach will have a better impact thus empowering the nation's education system.

Keyword: online learning, action plan, attitude, response, Bloom Taxonomy

1.0 PENGENALAN

Pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR) yang menjadi norma baharu pastinya memberi cabaran kepada ramai pihak. Golongan pendidik turut menerima impak daripada perubahan lanskap pendidikan ini kerana mereka perlu berdepan dengan suasana bilik darjah yang berbeza dan tidak boleh melaksanakan pedagogi seperti sebelumnya. Walaupun begitu, pendidik masih perlu memberi penekanan kepada pengurusan dan pengendalian bilik darjah yang efektif termasuklah dengan menggunakan kemahiran asas menyoal yang baik kepada pelajar agar fokus dan minat dalam kalangan penuntut ilmu itu terus positif semasa PdPR berlangsung yang sekali gus pelajar itu akan menunjukkan tingkah laku dan respons yang positif.

Kemahiran asas menyoal yang baik dalam kalangan pendidik, iaitu dengan menguasai tahap kesukaran soalan dipercayai boleh menjadi kaedah terbaik dalam melaksanakan PdPR sekali gus dapat membantu pelajar mencapai keupayaan kognitif yang optimum termasuklah dalam menggunakan pengetahuan sedia ada dan membandingkan maklumat baharu untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan. Pandangan ini bertepatan dengan saranan oleh Zamri dan Norazah (2011) serta M. Mojibur (2010) yang menyatakan keupayaan pengajar dalam menggunakan komunikasi lisan dengan baik boleh menentukan tahap keupayaan dan kebolehan pelajar mereka berkomunikasi sepanjang mengikuti PdP. Pandangan mereka itu turut boleh terpakai dalam situasi PdPR kerana aspek komunikasi, iaitu kemahiran menyoal dalam kalangan guru kepada pelajar sememangnya akan memberi impak yang positif dan mewujudkan suasana yang aktif di dalam kelas. Oleh yang demikian, pengkaji akan menunjukkan kesan positif terhadap pelaksanaan domain soalan aras tinggi Taksonomi Bloom kepada tingkah laku pelajar semasa mengikuti kelas dalam talian.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Jarak yang jauh memberi cabaran kepada golongan pendidik untuk melaksanakan proses pengajaran. Keterbiasaan seseorang guru menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka sudah lagi tidak relevan pada masa ini kerana semua kelas dilaksanakan menerusi dalam talian, baik menggunakan aplikasi secara langsung ataupun rekod. Disebabkan keterbatasan itu, terdapat beberapa kajian telah menunjukkan para pendidik seperti gagal merangsang pemikiran pelajar mereka yang sekali gus menghasilkan tingkah laku dan respons yang negatif dalam kalangan pelajar. Kajian-kajian tersebut adalah daripada Seman (2005), Waheedawati (2003) dan Roselan (2001).

Menurut mereka, pendidik dilihat hanya mampu mengaplikasikan soalan pada aras kognitif rendah dan sederhana. Ini menyebabkan penglibatan pelajar berkurangan semasa PdP. Permasalahan ini juga jelas boleh berlaku ketika pendidik mengendalikan PdPR yang lebih mempunyai kesukarannya berbanding di dalam bilik darjah. Pendidik bukan sahaja tidak melihat keberadaan pelajar-pelajar di hadapan mata tetapi tidak mengetahui tindak-tanduk pelajar tersebut yang sedang berada di rumah. Pasti respons pelajar juga tidak boleh dinilai sekiranya pendidik tidak mengaplikasikan sesi soal jawab ketika kelas dalam talian itu berlangsung.

Bukan itu sahaja, respons pelajar juga didapati tidak aktif dan jumlah pelajar yang memberi respons ketika guru bertanyakan soalan adalah sangat minimum berbanding pengajaran di dalam kelas. Permasalahan ini timbul apabila pendidik kurang menerapkan kaedah penyoalan yang berkesan seperti yang diperjelaskan di dalam domain Taksonomi Bloom. Pendapat ini telah disokong oleh Muhundhan (2002) dan Syafiq (2019) yang menyatakan bahawa pemikiran pelajar tidak berkembang semasa mengikuti proses pengajaran kerana guru hanya memfokuskan soalan pada aras rendah dan sederhana. Hal ini akan menyebabkan perkembangan pelajar hanya berfokus pada tahap mengetahui, memahami dan mengaplikasikan sesuatu ilmu yang dipelajari oleh mereka. Pelajar tidak cuba untuk mensintesis dan mencambahkan pemikiran mereka kepada idea-idea baharu yang sebenarnya boleh dimiliki menerusi kelas dalam talian dengan mudah.

Selain itu, kelamahan para pendidik dalam mengaplikasikan soalan aras tinggi juga akan menyebabkan sikap pelajar terhadap sesebuah mata pelajaran boleh berubah ke arah negatif.

Mereka akan menunjukkan rasa tidak minat dan bosan untuk mengikuti PdPR dan menganggap ia sebagai bebanan. Pernyataan itu disokong oleh pandangan Ghazali dan rakan-rakan (2010), sekali gus memberi respons yang tidak baik kepada prestasi akademik para pelajar. Di sini jelas menunjukkan peranan guru sangat penting untuk menjamin kelangsungan minat pelajar, sekali gus guru perlu mencorakkan tingkah laku dan respons yang baik dalam kalangan pelajar mereka semasa mengikuti kelas dalam talian.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk memastikan pelajar-pelajar berkelakuan aktif semasa mengikuti proses PdPR. Semua pendidik boleh mengaplikasikan pelan tindakan yang dicadangkan untuk menjamin mutu pendidikan negara. Kajian ini memfokuskan kepada objektif kajian seperti berikut:

- i. Mengenal pasti tahap tingkah laku dan respons pelajar terhadap soalan aras rendah-sederhana Taksonomi Bloom.
- ii. Menghuraikan perbezaan tingkah laku dan respons pelajar terhadap soalan aras rendah-sederhana dan aras tinggi Taksonomi Bloom.
- iii. Menilai perubahan tingkah laku dan respons pelajar apabila pengajar menggunakan soalan aras tinggi Taksonomi Bloom di dalam kelas.

4.0 KAJIAN LITERATUR

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengulas tiga kajian literatur untuk menunjukkan kerelevanan kedah menyoal dalam kalangan pendidik untuk merangsang tingkah laku dan respons pelajar. Hal ini demikian kerana PdPR bukan sahaja melihat kepada kandungan pengajaran tetapi kaedah dan teknik pengajaran guru juga penting untuk menarik minat pelajar supaya kekal positif di dalam kelas.

Kajian pertama adalah daripada Syafiq Mah Hasan (2019) yang bertajuk *Meningkatkan Kemahiran Menyoal dalam Pengajaran*. Menurut Syafiq, teknik menyoal perlu melibatkan soalan yang bercambah dan kemahiran ini dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Beliau menjalankan kajian tindakan dengan memfokuskan kemahiran menyoal dalam proses PdP. Kajian ini mendapati kemahiran tersebut sangat penting untuk dilakukan oleh para pendidik supaya dapat menggalakkan penguasaan pelajar. Dalam kajian ini juga menjelaskan kemahiran menyoal dalam kalangan pendidik yang dapat mewujudkan komunikasi dua hala antara pelatih dengan pelajar yang boleh menyebabkan proses pengajaran lebih berkesan. Pengkaji menerangkan perancangan dan kaedah-kaedah yang boleh digunakan oleh pendidik untuk menggunakan teknik menyoal seperti yang dinyatakan dalam Model Kemmis dan Mc Tanggart (1988). Pengkaji membuat kajian sebelum, semasa dan selepas model itu dilaksanakan dalam PdP bagi melihat keberkesanannya terhadap pelajar. Kajian ini adalah paling dekat dengan kajian yang dijalankan, namun pengkaji tidak memfokuskan jenis-jenis soalan yang diberikan oleh pendidik seperti yang dinyatakan dalam Taksonomi Bloom. Oleh yang demikian, kajian Taksonomi Bloom ini perlu dilakukan untuk melihat perubahan tingkah laku dan respons para pelajar sebaik sahaja menerima soalan aras tinggi.

Seterusnya, kajian oleh Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2017) yang bertajuk *Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menerusi Kaedah Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*. Kajian ini bertujuan mengenal pasti amalan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam menerusi kaedah penyoalan berdasarkan KBAT. Kajian ini dilakukan secara kualitatif di Perak yang melibatkan temubual dan pemerhatian bersama dua guru Pendidikan Islam. Kaedah penyoalan itu diberikan berdasarkan tiga tahap pengajaran, iaitu permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran menerusi aras soalan rendah, sederhana dan tinggi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai aras dalam soalan lisan yang diberikan oleh kedua-dua guru berkenaan. Kajian juga mendapati, terdapat perbezaan

dalam corak penggunaan aras soalan mengikut fasa permulaan, perkembangan dan penutup proses pengajaran. Kedua-dua guru menyedari kepentingan menggunakan soalan lisan pada aras rendah untuk mendapatkan maklumat berkaitan kefahaman pelajar terhadap isi dan konsep pelajaran yang telah diajar. Soalan lisan aras sederhana dan tinggi dikemukakan selepas kedua-dua mengajar isi dan konsep pelajaran kepada pelajar mereka.


Seterusnya ialah kajian oleh Zamri Mahamod dan Norazah Lim (2011) yang bertajuk *Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu : Kaedah Pemerhatian*. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti teknik penyoalan guru Bahasa Melayu semasa mengendalikan PdP. Kajian yang menggunakan kaedah statistik deskriptif ini melihat perkaitan antara kemahiran penyoalan, peningkatan kemahiran pelajar serta pengalaman guru yang terlibat dalam bilik darjah. Dapatan yang mereka temukan ialah guru lebih tertumpu kepada soalan aras rendah dan sederhana. Selain itu, guru didapati hanya menumpukan lingkaran individu dan masyarakat namun tidak mengaitkan soalan dengan aspek negara dan global. Kajian ini juga dilihat sangat dekat dengan kajian yang pengaji akan lakukan kerana menggunakan teori yang sama, iaitu Taksonomi Bloom (1956) namun mereka hanya memfokuskan kepada kesan sekiranya pengajar menggunakan kemahiran penyoalan aras tinggi itu. Sedangkan, tempoh perkhidmatan seseorang guru bukanlah kayu pengukur yang jelas untuk menentukan sesuatu kelas itu berlangsung secara baik atau sebaliknya. Sekiranya seseorang guru boleh mengaplikasikan teknik penyoalan dengan baik, pengendalian kelas turut berada dalam keadaan yang baik walaupun mereka masih baharu dalam perkhidmatan perguruan.

Berhubung dengan kaedah penyoalan yang mempengaruhi sikap pelajar, Ghazali Yusri dan rakan-rakan (2010) telah menjalankan kajian bertajuk *Sikap Pelajar terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. Kajian kualitatif yang menggunakan teknik temu bual ini merangkumi dua aspek iaitu sikap terhadap pengajaran bahasa dan sikap terhadap bahasa Arab. Pengkaji menjalankan 21 temu bual, iaitu 13 daripadanya ialah siri temu bual bersama pelajar. Dalam kajian ini, pengkaji menerokai sikap pelajar dari aspek kognitif, afektif dan konatif. Aspek kognitif menunjukkan semua pelajar yang terlibat menyatakan kepentingan bahasa Arab walaupun sebahagian daripada mereka masih mementingkan mata pelajaran lain. Persepsi pelajar juga bergantung kepada pengalaman lalu mereka. Dari aspek afektif, semua pelajar menunjukkan sikap positif terhadap bahasa Arab cuma mereka tiada asas dalam bahasa tersebut dan menyebabkan mereka berasa tidak selesa apabila ditempatkan dengan pelajar yang memiliki asas bahasa itu. Dari segi konatif, pelajar menunjukkan ketekalan namun mereka mahukan kaedah pengajaran perlu disesuaikan dengan latar belakang bahasa yang mereka miliki. Kajian ini secara keseluruhannya hanya mengkaji sikap pelajar namun tidak mengaitkannya dengan keadah menyoal dalam kalangan pendidik walaupun aspek itu memberi pengaruh kepada prestasi akademik. Ini kerana pendidik sepatutnya memainkan peranan untuk menarik minat pelajar menerusi cara bertanya soalan dan melibatkan pelajar dalam aktiviti kelas. Oleh yang demikian, kajian yang pengkaji lakukan ini akan menunjukkan pendekatan seseorang pendidik boleh mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih positif.

Kajian-kajian yang dinyatakan di atas dilihat telah menggunakan pendekatan yang berbeza daripada kajian yang ingin dijalankan sama ada untuk mengumpul dan menganalisis data. Ini kerana dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan pelan tindakan sebagai metodologi kajian dan pengkaji telah mengubah suai beberapa kaedah untuk dipadankan dengan situasi semasa termasuklah memfokuskan data kajian kepada aras soalan Taksonomi Bloom. Kepentingan pelan tindakan bertepatan dengan saranan Syafiq (2019). Tambahan, pengkaji turut menjalankan kajian berpandukan borang tingkah laku dan respons pelajar dalam mengukur tingkah laku dan respons pelajar semasa mengikuti PdPR. Kajian ini dipercayai dapat menyelesaikan masalah komunikasi yang berlaku dalam kalangan pelajar khususnya dalam keadaan mereka perlu berdepan dengan PdPR yang sangat mencabar dunia pendidikan pada masa ini.

5.0 REKA BENTUK KAJIAN

Pelan tindakan kajian ini berpandukan elemen aras soalan Taksonomi Bloom 1956 dalam Schultz (1976).



Rajah 1 Aras Soalan Taksonomi Bloom

Pelan tindakan yang diimplementasikan berdasarkan **rajah 1** telah disesuaikan dengan aktiviti kelas. Pengkaji menjalankan kelas mengikut topik yang telah dirancang sepanjang semester Januari 2021. Pengkaji dapat melihat kesan dan impak kepada PdPR yang dijalankan. Penggunaan soalan yang mudah difahami, bertumpu dan bercapah serta meliputi pelbagai aras kognitif membolehkan pengkaji menyusun aras kesukaran soalan serta mengemukakan soalan yang berjaya meningkatkan minat pelajar sekali gus mengembangkan pemikiran kreatif dan kritis mereka.

Tujuan pengkaji menggunakan pelan tindakan adalah untuk mencari sebuah penyelesaian kepada masalah komunikasi yang berlaku dalam kalangan pelajar kerana respons pelajar tidak berada pada tahap yang baik ketika menerima soalan aras sederhana dan rendah. Maka jenis soalan kemahiran berfikir aras tinggi dalam Taksonomi Bloom telah dilaksanakan bagi melihat tingkah laku para pelajar yang berada di dalam kelas dalam talian itu.

6.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian yang berbentuk pelan tindakan ini dijalankan menerusi kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah pemerhatian sebagai instrumen pengumpulan data.


6.1 Responden

Pengkaji melaksanakan kelas dalam talian bersama-sama lima orang pelajar yang mengikuti kursus Kemahiran Berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan aplikasi *Microsoft Teams* di salah sebuah IPTS di Petaling Jaya, Selangor. Mereka terdiri daripada tiga orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan yang masing-masing merupakan pelajar tahun kedua di IPTS berkenaan. Walaupun hanya terdapat lima responden dalam kajian ini tetapi ia mewakili 100 peratus daripada pelajar yang mendaftar kursus ini pada semester Januari 2021 di IPTS berkenaan. Ini bertepatan dengan saranan daripada Syafiq (2019). Bagi memudahkan pengumpulan data dan memenuhi etika kajian, responden tersebut ditanda sebagai Pelajar 1, Pelajar 2, Pelajar 3, Pelajar 4 dan Pelajar 5.

6.2 Kaedah Pengumpulan Data

Pada peringkat awal, pengkaji hanya membuat pemerhatian bagi mengumpul data asal *first hand encounter* tentang responden yang dikaji. Saranan ini sesuai dengan pandangan Merriam (2002). Kelas dalam talian sepanjang tujuh minggu dan melibatkan sembilan topik itu telah direkod

menerusi aplikasi *Microsoft Teams*. Pengkaji mengaplikasikan soalan aras rendah hingga aras sederhana dengan melibatkan domain pengetahuan, kefahaman dan aplikasi. Seterusnya, pengkaji akan memainkan semula video rakaman berkenaan untuk mengenal pasti tingkah laku dan respons daripada responden. Selepas selesai mengelompokkan semua data kajian awal itu, pengkaji mengenal pasti tingkah laku dan respons responden berdasarkan instrumen borang tingkah laku.



Rajah 2 Kaedah Pengumpulan Data

Respons pelajar akan ditandakan sebagai A (aktif), TA (tidak aktif), S (sederhana), dan simbol – sebagai tidak hadir untuk menentukan tingkah laku dan respons responden di dalam kelas tersebut. Walaupun pengkaji bersama-sama di dalam kelas berkenaan, pengkaji tidak akan mempengaruhi sikap dan maklum balas pelajar. Dengan cara tersebut, pengkaji akan mempunyai persepsi yang betul-betul tepat mengenai maklumat yang sedang dikumpulkan (Mohd Majid, 2000).

6.3 Pelan Tindakan

Pada peringkat pengumpulan data yang kedua, kaedah sama juga dilakukan dengan menggunakan aplikasi *Microsoft Teams* (rujuk **rajah 2**). Pengkaji akan mengajukan soalan-soalan aras tinggi Taksonomi Bloom. Data untuk mengenal pasti perubahan tingkah laku dan respons pelajar selepas pelan tindakan tersebut dikeluarkan menerusi borang tingkah laku yang sama pada pemerhatian awal.

Berdasarkan aktiviti yang dijalankan, para pelajar menunjukkan perubahan sikap yang positif seperti lebih mampu menghurai, menerang dan memperincikan sesuatu perbincangan pada tahap yang lebih baik. Perubahan tersebut diukur dari aspek kepanjangan huraian yang dihasilkan dan pengkaji menganalisis aspek kejelasan sesuatu perkara yang dihuraikan oleh pelajar termasuklah dengan keupayaan mereka dalam memberikan contoh dan mengaitkan topik perbincangan kepada isu semasa. Pengkaji menganggap soalan domain aras tinggi yang diajukan itu sebagai stimulus bagi melihat perkembangan kognitif responden yang terlibat.

Apakah tingkah laku dan respons pelajar apabila pensyarah mengaplikasikan soalan-soalan kemahiran berfikir aras rendah-sederhana Taksonomi Bloom?

Soalan kemahiran berfikir aras rendah dan sederhana yang diperkenalkan dalam Taksonomi Bloom mempunyai tiga domain, iaitu mengingat, memahami, dan mengaplikasi.

Soalan	Domain Mengingati				
	Respons Pelajar				
	1	2	3	4	5
Setakat ini, ada soalan? (Menyatakan)	S	TA	A	TA	-
Semalam kita ada belajar tentang konsep asas komunikasi. Ada siapa-siapa yang boleh simpulkan? (Mengingat Kembali)	A	TA	TA	TA	TA
Adakah anda jelas tentang aliran komunikasi Laswell? (Menyatakan)	TA	S	TA	TA	TA
Hambatan komunikasi itu apa maksudnya? (Memberi Definisi)	A	TA	TA	TA	A

Ada soalan nak tanya?	S	S	TA	TA	TA
Apa yang kamu faham tentang perspektif? (Memberi Definisi)	A	A	A	A	-
Kamu akan bahasakan diri sebagai apa dengan orang yang baru kenal? (Menyebut)	A	A	TA	TA	TA
Salutasi untuk Perdana Menteri apa? (Memilih)	A	A	TA	TA	TA
Untuk kridalaksana ada soalan? (Mengingat Kembali)	TA	TA	TA	TA	TA

Pemerhatian menerusi **Jadual 1** mendapati, pelajar hanya menunjukkan respons A pada soalan memberi definisi, iaitu yang berkaitan perspektif. Seramai empat daripada lima pelajar memberikan respons A.

Berbanding dengan soalan mengingat kembali, iaitu soalan berkaitan Kridalaksana menunjukkan, semua pelajar memberi respons TA. Pemerhatian mendapati, hampir semua jenis soalan menerima respons negatif apabila ramai yang menunjukkan respons TA sebaik sahaja pengajar mengajukan soalan memberikan definisi, menyebut, memilih dan mengingat kembali.

Jadual 2 Domain – Memahami

Soalan	Respons Pelajar				
	1	2	3	4	5
Ada siapa-siapa yang boleh menceritakan apa jangkauan dia terhadap kos ini?	TA	TA	TA	TA	-
Antara jenis komunikasi, yang mana lebih dekat dengan kita sebagai guru? Jelaskan.	TA	A	TA	TA	TA
Komunikasi umum itu macam mana? (Mengertikan)	TA	TA	A	A	TA
Jika kamu menjadi guru, sesuai tak untuk kamu laksanakan Komunikasi Laswell? (Meramalkan)	A	TA	TA	TA	TA
Siapa hendak rumuskan apa yang kita dah belajar pada topik yang lepas? (Menyimpulkan)	TA	TA	TA	TA	TA
Untuk peranan pendidik ada nak kongsi idea? (Menyimpulkan)	A	TA	TA	TA	-

Jadual 2 menunjukkan hampir semua pelajar tidak responsif dalam setiap soalan yang diajukan oleh pengajar. Soalan pertama yang menggunakan kata kunci menceritakan dan menyimpulkan memperlihatkan kesemua pelajar TA dengan soalan yang diajukan oleh pensyarah. Begitu juga apabila pensyarah mengajukan soalan jelaskan dan meramalkan, hasilnya adalah TA.

Untuk jenis soalan mengertikan dan menyimpulkan pula, setiap soalan tersebut menerima respons A daripada seorang pelajar dan dua orang pelajar untuk setiap soalan yang berbeza. Ini menunjukkan soalan jenis domain memahami yang cuba diaplikasikan oleh pensyarah menunjukkan respons pelajar adalah TA.

Jadual 3 Domain – Menerapkan

Soalan	Respons Pelajar				
	1	2	3	4	5
Siapa yang boleh contoh tentang panggilan kebangsaan?	S	S	TA	TA	A
<i>Chanel</i> itu menunjukkan kesesuaian abad ke-21 iaitu <i>student centered</i> melalui aktiviti pelajar. Bagaimana kesannya? (Menghubungkan)	TA	S	TA	TA	TA
Adakah kamu boleh mengaplikasikan kata sapaan dalam karier kamu nanti? (Menghubungkan)	A	TA	TA	TA	TA

Menerusi **jadual 3**, pelajar masih memberikan respons tidak responsif terhadap soalan yang diajukan. Walau bagaimanapun, dalam domain menerapkan ini, dapatan kajian menunjukkan penambahbaikan apabila terdapat pelajar yang memberikan respons S berbanding soalan-soalan sebelumnya.

Setiap soalan yang diajukan oleh pengajar masih menerima respons daripada sekurang-kurangnya seorang pelajar seperti jenis soalan menghubungkan apabila hanya dua orang pelajar memberi respons S tetapi empat pelajar yang lain menunjukkan TA. Bagi jenis soalan menghubungkan, seorang pelajar sahaja memberi respons A manakala selebihnya adalah TA. Soalan memberikan contoh, seorang pelajar memberi respons A, dua pelajar memberi respons TA dan selebihnya memberikan respons S.

Adakah terdapat perbezaan dalam tingkah laku dan respons pelajar apabila pensyarah mengaplikasikan soalan kemahiran berfikir aras tinggi Taksonomi Bloom di dalam aktiviti kelas?

Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan, terdapat perbezaan tingkah laku dan respons dalam kalangan para pelajar. Para pelajar lebih menunjukkan minat dan lebih memberikan respons terhadap soalan yang diajukan. Pernyataan ini disokong oleh saranan Syafiq (2019).

Jadual 4 Respons Pelajar 1

Pelajar	Aras Kemahiran Berfikir Taksonomi Bloom		Domain	Respons Pelajar
1	Rendah-sederhana	Mengingati	A	TA
		Memahami	TA	
		Menerapkan	TA	
	Tinggi	Menganalisis	A	S
		Menilai	S	
		Mencipta	S	

Analisis **jadual 4** mendapati, pelajar 1 menunjukkan perubahan sikap daripada TA kepada S ketika berada di dalam kelas dalam talian. Pada aras kemahiran berfikir rendah dan sederhana, pelajar berkenaan menghasilkan respons A bagi domain mengingati, manakala TA bagi kedua-dua domain memahami dan menerapkan. Oleh yang demikian, pengkaji menyifatkan respons pelajar tersebut adalah TA.

Perubahan berlaku apabila pensyarah menerapkan soalan berfikir aras tinggi kepadanya dan pelajar 1 menghasilkan respons S. Pelajar berkenaan menghasilkan respons A pada soalan domain menganalisis dan S bagi kedua-dua domain menilai dan mencipta. Hal ini telah menyebabkan pengkaji menyifatkan respons tersebut sebagai S. Walau bagaimanapun, respons pelajar berkenaan telah menunjukkan perubahan daripada TA kepada respons S. Ini menunjukkan perubahan yang positif selepas pensyarah mengaplikasikan soalan aras tinggi Taksonomi Bloom (1956). Justeru, dapatan ini juga menunjukkan kemahiran menyoal dalam kalangan pendidik mempengaruhi minat para pelajar dalam mengikuti sesuatu mata pelajaran (Syafiq, 2019).

Jadual 5 Respons Pelajar 2

Pelajar	Aras Kemahiran Berfikir Taksonomi Bloom		Domain	Respons Pelajar
2	Rendah-sederhana	Mengingati	TA	TA
		Memahami	TA	
		Menerapkan	S	
	Tinggi	Menganalisis	S	S
		Menilai	S	
		Mencipta	S	

Menerusi **jadual 5**, pelajar 2 menunjukkan perubahan sikap daripada TA kepada S ketika berada di dalam kelas. Pada aras kemahiran berfikir rendah dan sederhana, pelajar berkenaan menghasilkan respons TA untuk domain mengingat dan memahami, manakala respons S untuk domain menerapkan yang sekali gus jelas menunjukkan responsnya sebagai TA.

Perubahan berlaku apabila pengajar menerapkan soalan berfikir aras tinggi kepadanya apabila pelajar 2 menghasilkan respons S. Pelajar berkenaan menghasilkan respons S untuk semua jenis soalan domain kognitif; menganalisis, menilai, dan mencipta. Ini menunjukkan respons pelajar tersebut sebagai S, yang sekali gus dia mengalami perubahan yang positif berbanding pada pemerhatian awal. Dapatan kajian ini sekali lagi menunjukkan perubahan positif dalam diri pelajar sebaik sahaja pensyarah mengaplikasikan soalan aras tinggi Taksonomi Bloom. Data ini juga secara jelas menyokong saranan Zamri Mahamod dan Norazah (2011) yang menekankan terhadap teknik penyoalan seseorang guru di dalam kelas.

Jadual 6 Respons Pelajar 3

Pelajar	Aras Kemahiran Berfikir Taksonomi Bloom	Domain	Respons Pelajar	
3	Rendah-sederhana	Mengingati	TA	
		Memahami	TA	
		Menerapkan	TA	
	Tinggi	Menganalisis	A	A
		Menilai	S	
		Mencipta	A	

Analisis **jadual 6** mendapati, pelajar 3 menunjukkan perubahan sikap yang positif apabila dia berubah daripada respons TA kepada A ketika berada di dalam kelas. Pada aras kemahiran berfikir rendah dan sederhana, pelajar berkenaan menghasilkan respons TA untuk semua domain yang sekali gus menunjukkan responsnya sebagai TA di dalam kelas.

Perubahan berlaku apabila pengajar menerapkan soalan berfikir aras tinggi kepadanya apabila pelajar 3 menghasilkan respons A. Pelajar berkenaan hanya menghasilkan respons S untuk jenis soalan domain menilai manakala responsnya untuk domain menganalisis dan mencipta adalah A. Hal ini telah menyebabkan dia boleh dianggap sebagai pelajar yang aktif. Data ini juga menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif dalam diri pelajar ketika mengikuti PdPR sebaik sahaja soalan kemahiran berfikir aras tinggi diaplikasikan oleh pensyarah. Data ini secara jelas menunjukkan perubahan sikap dan minat dalam diri pelajar seperti yang dinyatakan oleh Ghazali (2010).

Jadual 7 Respons Pelajar 4

Pelajar	Aras Kemahiran Berfikir Taksonomi Bloom	Domain	Respons Pelajar	
4	Rendah-sederhana	Mengingati	TA	
		Memahami	S	
		Menerapkan	TA	
	Tinggi	Menganalisis	A	A
		Menilai	S	
		Mencipta	A	

Analisis **jadual 7** mendapati data yang lebih kurang sama dengan pelajar 3 apabila perubahan sikap yang positif kepada pelajar 4. Dia berubah daripada respons TA kepada A. Pada aras kemahiran berfikir rendah dan sederhana, pelajar berkenaan menghasilkan respons TA untuk domain mengingat dan menerapkan, manakala respons S pada domain memahami. Ini menunjukkan responsnya sebagai TA di dalam kelas itu.

Perubahan berlaku apabila pengajar menerapkan soalan berfikir aras tinggi kepadanya dan dia menghasilkan respons A. Pelajar berkenaan hanya menghasilkan respons S untuk jenis soalan domain menilai manakala responsnya untuk domain menganalisis dan mencipta adalah A. Hal ini telah menyebabkan pengkaji menganggapnya sebagai seorang pelajar yang aktif. Data ini turut menyaksikan peranan guru seperti yang dinyatakan oleh Syafiq (2019) dan Zamri dan Norazah (2011) terbukti.

Jadual 8 Respons Pelajar 5

Pelajar	Aras Kemahiran Berfikir Taksonomi Bloom		Domain	Respons Pelajar
	Rendah-sederhana	Tinggi		
5	Rendah-sederhana	Mengingati	TA	TA
		Memahami	TA	
		Menerapkan	S	
	Tinggi	Menganalisis	TA	TA
		Menilai	S	
		Mencipta	TA	

Analisis untuk pelajar 5 di **jadual 8** menunjukkan perbezaan. Hal ini demikian kerana, pemerhatian mendapati respons pelajar ini tidak mengalami perubahan, iaitu TA untuk peringkat awal dan peringkat akhir kajian. Pada aras kemahiran berfikir rendah dan sederhana, pelajar 5 menunjukkan respons TA untuk kedua-dua domain mengingati dan memahami, manakala respons S untuk domain menerapkan.

Begitu juga dengan soalan aras kemahiran berfikir tinggi, pelajar 5 memberi respons TA untuk dua domain menganalisis dan mencipta, manakala respons S untuk soalan aras sederhana. Ini menunjukkan kedua-dua aras kemahiran berfikir yang diterapkan kepada pelajar 5 menghasilkan respons TA, baik pada pemerhatian awal ataupun pemerhatian akhir. Data daripada responden ini boleh dikaitkan dengan saranan oleh Ghazali (2010) yang menyatakan terdapatnya faktor lain yang mempengaruhi sikap pelajar dalam meminati sesuatu mata pelajaran.

Apakah perubahan tingkah laku dan respons pelajar apabila pensyarah menggunakan penyoalan kemahiran berfikir aras tinggi Taksonomi Bloom?

Pengkaji turut melihat perubahan tingkah laku pelajar apabila menerima soalan kemahiran berfikir aras tinggi Taksonomi Bloom; menganalisis, menilai dan mencipta.

Jadual 9 Domain – Menganalisis

Soalan	Respons Pelajar				
	1	2	3	4	5
Apa yang kamu jangkakan dalam kos ini? Adakah kamu sentiasa bercakap dalam mengendalikan kelas? (Mengaitkan)	TA	S	A	A	-
Bagaimana kamu hendak kaitkan model komunikasi dengan PdP?	A	A	A	A	-
Boleh berikan contoh bagaimana kamu mengaitkan tugas kamu sebagai kamu dengan jenis komunikasi?	TA	A	A	TA	S
Nyatakan contoh yang anda boleh lakukan untuk menghubungkan antara pembicara, bicara, upacara, peserta dan kesan? Ada yang hendak kaitkan dengan subjek BM?	A	A	A	S	A

Berdasarkan **jadual 9**, jenis soalan mengaitkan, menunjukkan semua pelajar memberi respons A, begitu juga dengan jenis soalan menyatakan. Untuk soalan ini, empat daripada lima pelajar memberikan respons A manakala hanya seorang yang memberikan respons S. Soalan jenis sama pada jalur yang pertama turut menunjukkan respons pelajar yang positif apabila dua daripada empat pelajar memberikan respons A. Begitu juga dengan jenis soalan yang sama menunjukkan dua pelajar memberi respons A, dua pelajar memberi respons TA dan seorang pelajar memberikan respons S.

Secara keseluruhannya, apabila pengajar menggunakan soalan kemahiran berfikir aras tinggi Taksonomi Bloom, ia telah menyebabkan pelajar memberikan respons positif sekali gus menimbulkan suasana aktif di dalam kelas. Dapatan kajian ini bersesuaian dengan saranan daripada Syafiq (2019) yang menyatakan soalan kemahiran berfikir aras tinggi menggalakkan penguasaan pelajar di samping dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dua hala di dalam kelas.

Soalan	Respons Pelajar				
	1	2	3	4	5
Apa tujuan atau kepentingan kata sapaan?	A	A	A	A	A
Justifikasi kenapa setiap orang perlukan kata sapaan untuk meningkatkan profesionalisme?	S	A	A	A	S

Berdasarkan **jadual 10**, soalan pertama yang diajukan oleh pengajar menunjukkan semua kelima-lima memberi respons pelajar adalah A. Begitu juga dengan soalan kedua yang turut menunjukkan pelajar memberikan respons positif walaupun hanya dua pelajar menunjukkan respons secara S tetapi tiga daripada mereka memberikan respons A. Walau bagaimanapun, pengkaji dapat mengklasifikasikan bahawa dapatan ini lebih baik daripada dapatan sewaktu pengajar mengajukan soalan kemahiran aras rendah. Dapatan ini turut menyokong saranan daripada Zamri dan Norazah (2011) yang menyifatkan teknik penyolan pengajar akan menggalakkan penglibatan pelajar di dalam kelas.

Soalan	Respons Pelajar				
	1	2	3	4	5
Bagaimana kamu nak buat jika nak buat aktiviti tetapi tak ada akses Internet di dalam kelas? (Merancang)	S	A	A	TA	S
Bincangkan bagaimana kamu sebagai guru ingin aplikasikan kesemua elemen yang dinyatakan? (Merancang)	A	A	TA	A	-
Bincang dan kamu hasilkan satu isi sahaja. (Merancang)	A	A	TA	A	-
Zul? Senyap aja? (Memberi Saran)	-	-	A	-	-
Buktikan bagaimana teknologi mempunyai kaitan dengan interaksi dan respons.	S	A	A	A	-

Berdasarkan **jadual 11**, rata-rata daripada pelajar memberikan respons A dan S apabila pengajar mengajukan soalan merancang, memberi saran dan membuktikan. Namun begitu, masih terdapat juga pelajar memberi respons TA untuk jenis soalan merancang. Hanya dua pelajar memberi respons A pada soalan pertama, dua orang pelajar yang lain memberi respons S dan seorang memberi respons TA. Untuk soalan kedua pula, tiga pelajar memberikan respons A namun hanya seorang pelajar memberi respons TA. Keadaan sama berlaku pada soalan jenis merancang untuk soalan yang ketiga.

Untuk soalan jenis memberi saran, hanya seorang memberi respons A kerana pelajar 3 itu diberikan fokus. Oleh yang demikian, dia mengutarakannya dengan lebih jelas. Ini membuktikan data itu menyokong saranan yang diberikan oleh Ghazali (2010) yang menyatakan penglibatan pelajar berkait rapat juga dengan faktor afektif, iaitu pelajar boleh menjadi tidak selesa sekiranya ditempatkan bersama-sama pelajar lain yang mempunyai kemahiran asas dalam bahasa tersebut. Namun, pelajar akan berubah sekiranya pengajar memberi fokus kepadanya.

Selain itu, data kajian turut mendapati apabila pengajar mengajukan jenis soalan mengaplikasikan buktikan, kesemua pelajar memberikan respons A namun hanya seorang sahaja yang menghasilkan respons S. Dapatan ini sekali lagi menyokong saranan oleh Zamri dan Norazah (2011) yang menekankan kemahiran menyoal dan pengalaman guru dalam mengendalikan proses pengajaran yang turut memberi impak kepada respons dan tingkah laku pelajar.

7.0 RUMUSAN

Daripada kajian yang dijalankan jelas menunjukkan bahawa pelan tindakan yang diaplikasikan di dalam kelas memberi kesan positif kepada perubahan tingkah laku dan respons pelajar. Baik daripada minat mereka terhadap subjek yang ditawarkan atau cara mereka memberikan reaksi ketika sesi PdPR berlangsung. Pelan tindakan juga sangat bermanfaat ketika pengajar ingin menjalankan kelas secara dalam talian. Menerusi kajian ini, pelaksanaan soalan kemahiran berfikir aras rendah, sederhana, dan tinggi memainkan peranan dalam menghasilkan respons dan tingkah laku yang baik dalam kalangan para pelajar. Sebagai pendidik, mereka perlulah menerapkan kesemua domain yang diperkenalkan oleh Taksonomi Bloom itu secara seimbang bagi meningkatkan respons dan tingkah laku dalam kalangan pelajar.

Hal ini demikian kerana, dapatan yang diperolehi daripada kajian menunjukkan bahawa pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta di Petaling Jaya ini telah menunjukkan respons yang tidak aktif di dalam kelas apabila pengajar hanya menggunakan kemahiran berfikir aras rendah dan sederhana. Walau bagaimanapun, perubahan positif berlaku apabila mereka menerima soalan kemahiran berfikir aras tinggi. Walaupun perubahan yang ditemui oleh pengkaji bukanlah pada tahap yang maksimum, namun kajian ini menemukan perubahan yang jelas antara pemerhatian awal dan pemerhatian akhir. Meskipun begitu, terdapat juga pelajar yang tidak menunjukkan sebarang perubahan seperti yang diharapkan walaupun pengaplikasian soalan kemahiran aras tinggi itu telah dilaksanakan semasa PdPR. Untuk dapatan ini, kemungkinan pelajar ini dipengaruhi oleh faktor lain seperti yang dinyatakan oleh Ghazli Yusri dan rakan-rakan (2010). Kemungkinan pengalaman pendidik seperti yang disarankan oleh Zamri Mahamod dan Norazah Lim (2011) boleh mengatasi masalah yang dikenal pasti.

Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar satu lagi kajian dilakukan pada masa akan datang untuk mengenal pasti punca permasalahan itu dan mencari kaedah terbaik untuk menyelesaikannya. Apabila kedua-dua kajian ini digabungkan, ia diyakini akan membantu institusi pendidikan terus berada pada tahap yang baik sekali gus memperkasakan manusiawi. Ia adalah sesuatu yang tidak mustahil walaupun perlu menjalankan sesi PdPR secara dalam talian. Cadangan lain juga boleh dipertimbangkan agar pengkaji lain melihat aspek verbal dan nonverbal yang lebih besar bagi mengukur keberkesanan berbahasa dalam kalangan pelajar.

RUJUKAN

- Ghazali Yusri, Nik Mod Rahimi dan Parilah M. Shah. (2010). *Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran isan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. *Journal of Language Studies* 10 (3). 15-33
- M. Mojibur Rahman. (2010). *Teaching Oral Communication Skill: A Task Based on Approach*. *ESP World Issue*, 1 (27): 1-11

- Merriam, sharan B. (2002). *Qualitative Research in Practice: Example for Discussion and Analysis*. San Francisco: Jossey-Bass
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhundhan a/1 Mayappan. (2002). Aplikasi Kemahiran Berfikir melalui Kaedah Penyoalan oleh Guru dalam Pengajaran Mata Pelajaran Ekonomi Asas: Satu Kajian Kes. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim. (2017). *Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menerusi Kaedah Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*. Journal of Advanced Research in Sosical and Behavirual Science 7 (1). 1-9
- Roselan Baki. (2001). Interaksi Lisan dalam Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Syafiq Mah Hasan. (2019). Meningkatkan Kemahiran Menyoal dalam Pengajaran. *Asian Education Action Research Journal (Vol.8)*, 1-8.
- Schultz, R. C. (1976). *Bloom's Taxonomy*. Norfolk: Old Dominion University
- Seman Salleh. (2005). Interaksi Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Kesusasteraan Melayu (Komsas) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Waheedawati Wahap. (2003). Penggunaan Penyoalan Lisan dalam Kalangan Guru Sejarah di Sekitar Bandar Sibul. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Zamri Mahamod dan Norazah Lim. (2011). *Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. 51-65